

SISC+

***Kompetensi dan
Amalan Kejurulatihan***

NOEL JIMBAI BALANG
ZAMRI MAHAMOD
NOR AISHAH BUANG

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/ penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota/ *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA/
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli/ *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh/ *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh/ *Printed in Malaysia by*
PERCETAKAN INFO MEDITASI SDN. BHD.
No. 25, Jalan Balakong Jaya 1,
Taman Industri Balakong Jaya,
43300 Balakong, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-231-9

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ... 7

Senarai Singkatan ... 9

Prakata ... 11

- BAB 1 SISC+ dan Peranannya dalam Pendidikan ... 15
- BAB 2 Teori, Model Kejurulatihan dan Jenis-Jenis Amalan Kejurulatihan ... 52
- BAB 3 Kompetensi SISC+ dalam Aspek Kurikulum ... 86
- BAB 4 Kompetensi SISC+ dalam Aspek Pedagogi ... 100
- BAB 5 Kompetensi SISC+ dalam Aspek Pentaksiran ... 111
- BAB 6 Kompetensi SISC+ dalam Amalan Kejurulatihan ... 121
- BAB 7 Sumbangan dan Implikasi Kajian terhadap Amalan dan Kompetensi Kejurulatihan SISC+ ... 132

Rujukan ... 161

Indeks ... 169

Prakata

Buku tentang amalan kejurulatihan dalam konteks pendidikan di Malaysia kurang dihasilkan. Justeru, penghasilan buku SISC+: *Amalan dan Kompetensi Kejurulatihan* membantu pendidik dan pentadbir pendidikan mengetahui dan mengenal pasti secara mendalam tahap kompetensi dan amalan kejurulatihan SISC+. Kompetensi yang merangkumi aspek kurikulum, pedagogi, dan pentaksiran ini membantu pendidik dan pentadbir pendidikan (Pengetua/Guru Besar/PPD/JPN/KPM) memahami dan mengaplikasikan aspek-aspek kejurulatihan terbaik untuk menghasilkan guru yang kompeten dan cemerlang dalam PdP.

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak sama ada pihak sekolah, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), KPM, JPN dan PPD seluruh negara. Salah satunya dapatan kajian ini dapat menjadi penanda aras pihak KPM untuk tujuan memberikan pelbagai maklumat melalui kursus, bengkel dan seminar terhadap keperluan kerjaya para pegawai SISC+ seluruh negara. Hal ini diperkatakan demikian kerana jawatan ini masih lagi baharu dan sudah tentunya melalui dapatan kajian yang dijalankan dapat membantu pihak BPG dan KPM untuk merangka kursus dan bengkel yang sesuai bagi meningkatkan tahap profesionalisme SISC+.

Melalui kajian ini, KPM, BPG dan JPN dapat merancang dan merangka bentuk latihan dan program yang menjurus ke arah keperluan sebenar SISC+. Bentuk latihan yang dimaksudkan adalah yang berkaitan dengan kemahiran interpersonal seperti kemahiran komunikasi dan kemahiran memimpin. Hal ini demikian kerana SISC+ sangat memerlukan kemahiran tersebut memandangkan tugas utama mereka banyak berurusan dengan para guru yang dibimbing. Dalam aspek lainnya, pihak berwajib juga boleh melaksanakan program tertentu yang dapat meningkatkan lagi keyakinan para pegawai SISC+ dalam melaksanakan tugas mereka.

Bagi pihak PPD dan sekolah, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai panduan untuk merancang dan melaksanakan bentuk latihan yang berterusan ke arah memantapkan lagi proses bimbingan SISC+. PPD juga boleh menjalankan bengkel dan kursus yang bersesuaian agar dapat memantapkan kualiti guru di daerah masing-masing. PPD boleh

juga menjalin hubungan kepakaran dengan pihak luar dalam usaha meningkatkan sinergi positif di dalam dan luar daerah terutamanya dalam memantapkan kompetensi SISC+.

Bagi pihak SISC+ dapatan ini berguna untuk membuat refleksi sendiri terhadap fungsi dan peranan mereka ketika memberikan bimbingan dan mentoran kepada guru-guru. SISC+ juga dapat menjadikan dapatan kajian ini sebagai panduan untuk memahami kehendak dan keperluan para guru yang dibimbing. Malah melalui kajian ini, SISC+ dapat menilai keberkesanan proses bimbingan dan mentoran yang dijalankan sama ada memberikan impak positif atau sebaliknya. Tuntasnya melalui dapatan kajian ini dilihat mampu memberikan nilai tambah kepada semua pihak terhadap keperluan dan perubahan dalam sistem pendidikan negara yang semakin rencam.

Dapatan kajian ini tentunya dapat melahirkan SISC+ yang lebih berkualiti supaya objektif penubuhan program SISC+ lebih mudah dicapai. Berdasarkan kajian terdahulu dan literatur menyatakan bahawa dalam pelaksanaan program bimbingan pengajaran, pihak yang mengendalikan perlu mengetahui dan memahami aspek yang hendak diterapkan buat guru, cara hendak menerapkan dan menilai hasil penerapan berdasarkan pengetahuan dan kompetensi SISC+. Hal yang demikian perlulah dijadikan sebagai panduan buat semua pihak berkepentingan dalam menyediakan pembimbing pengajaran yang sesuai bagi melaksanakan program SISC+. Melalui dapatan kajian dan kupasan literatur kajian ini juga diharapkan menjadi panduan bagi memilih pegawai SISC+ yang memiliki kompetensi yang tinggi. Secara praktikal, dapatan kajian dapat membantu SISC+ dalam membentuk diri supaya menjadi pembimbing pengajaran yang berkualiti dengan meneliti semula tugas yang telah dijalankan dan mengambil inisiatif untuk mengikuti kursus atau latihan yang berkaitan dengan tugas.

Kajian ini penting bagi membantu SISC+ dalam menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21 bagi menghasilkan guru-guru yang kompeten dan berkualiti. Kajian ini dianggap pemangkin kepada mutu bimbingan SISC+ bagi menyahut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2013). SISC+ yang dianggap kompeten adalah yang menguasai kandungan kurikulum, mahir dan berketerampilan dalam pedagogi. Dalam pada itu, SISC+ dituntut menguasai aspek pentaksiran dengan baik. SISC+ juga diharapkan menguasai teknologi terkini, memahami perkembangan pelajar dan menyayangi mereka, memahami psikologi pembelajaran dan memiliki kemahiran kaunseling.

Buku penyelidikan ini mengandungi 7 bab ini penting untuk membantu para guru, pendidik guru, pentadbir dan pengurusan pendidikan di sekolah, PPD, JPN, KPM dan pelbagai peringkat pendidikan tentang pentingnya aspek kejurulatihan dalam meningkatkan profesionalisme pendidikan. Bab 1 dan Bab 2 adalah berkaitan dengan teori dan kajian-kajian literatur tentang SISC+, amalan kejurulatihan dan PdP. Bab 3 hingga Bab 7 adalah tentang dapatan kajian SISC+ yang dipraktik dan diaplikasikan dalam proses PdP di dalam bilik darjah.

Akhir sekali, terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas penganugerahan Dana Penerbitan Buku (DPB-2024-063) yang telah membantu proses penerbitan buku ini.

Sekian dan terima kasih.

Noel Jimbai Balang

Zamri Mahamod

Nor Aisyah Buang